



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**BAHASA ANTARA DALAM PERTUTURAN BAHASA MELAYU
KANAK-KANAK MASYARAKAT BIDAYUH DI DAERAH BAU,
SARAWAK**

SUSAN ANAK JUHIN

FBMK 2002 12

**BAHASA ANTARA DALAM PERTUTURAN BAHASA MELAYU
KANAK-KANAK MASYARAKAT BIDAYUH DI DAERAH BAU, SARAWAK**

Oleh

SUSAN ANAK JUHIN

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Oktober 2002



Teristimewa untuk...

Anak-anakku... Steffeni Sherril, Joe Luiz, dan Joe Abell,

Kalianlah permata hatiku...

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

BAHASA ANTARA DALAM PERTUTURAN BAHASA MELAYU KANAK-KANAK MASYARAKAT BIDAYUH DI DAERAH BAU, SARAWAK

Oleh

SUSAN ANAK JUHIN

Oktober 2002

Pengerusi : Profesor Dr. Noor Aina Dani

Fakulti : Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi

Bahasa Antara dalam pertuturan bahasa Melayu kanak-kanak bangsa Bidayuh belum lagi pernah dikaji setakat ini. Dalam kajian ini, pengkaji telah membezakan tahap bahasa antara dalam pertuturan kanak-kanak bangsa Bidayuh berdasarkan faktor umur. Selain itu, pengkaji juga menganalisis hubungan bahasa antara dengan penguasaan jenis kata berdasarkan kumpulan umur. Pengkaji juga menghuraikan jenis fosilisasi yang terdapat dalam pertuturan bahasa Melayu kanak-kanak bangsa Bidayuh. Di samping itu, pengkaji telah mengkaji hubungan persekitaran bahasa dengan perlakuan lisan kanak-kanak bangsa Bidayuh.

Hasil kajian menunjukkan bahawa penguasaan 10 jenis kata kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 7 tahun dari SK St. Theresa berada di tahap basilek (Selinker,

1992), iaitu dengan memperoleh min markat sebanyak 44.5%. Manakala, kanak-kanak bangsa Bidayuh umur 7 tahun dari SK St. Stephen pula memperoleh min markat sebanyak 52.2% dan berada di tahap mesolek. Namun, min markat yang diperoleh oleh kanak-kanak dari kedua-dua buah sekolah ialah 48%, iaitu masih lagi berada di tahap basilek. Kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 9 tahun dari SK St. Theresa pula berada di tahap basilek dengan memperoleh min markat sejumlah 49%. Manakala, kanak-kanak SK St. Theresa pula berada di tahap mesolek dengan memperoleh min markat sebanyak 55.65%. Oleh itu, min markat yang diperoleh oleh kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 9 tahun ialah 52% dan berada di tahap mesolek. Bagi kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 12 tahun dari SK St. Theresa pula berada di tahap mesolek dengan min markat sejumlah 64.27%. Manakala, kanak-kanak bangsa Bidayuh umur 12 tahun dari SK St. Stephen pula berada di tahap mesolek dengan min markat sebanyak 67.71%. Oleh itu, purata markat yang diperoleh oleh kanak-kanak dari kedua-dua buah sekolah tersebut ialah 66%, iaitu berada di tahap mesolek.

Persekutaran bahasa kanak-kanak bangsa Bidayuh yang terdiri daripada umur dan bahasa Bidayuh sebagai bahasa pertama (Karashen, 1982) sedikit sebanyak mempengaruhi pertuturan mereka. Didapati bahawa kanak-kanak bangsa Bidayuh umur 7 tahun kerap menggunakan nafian dan pemudahan seperti tidak ada, ada, ya, tidak tahu, dan suka. Kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 9 tahun pula sudah mula mempunyai keyakinan diri semasa bertutur dalam bahasa Melayu. Manakala, kanak-kanak bangsa Bidayuh umur 12 tahun tidak menghadapi sebarang masalah untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Namun, pengkaji mendapati bahawa kanak-kanak bangsa Bidayuh yang

berumur 12 tahun ini kerap menggunakan penyeluruhan. Hal ini telah menyebabkan pertuturan yang kurang gramatis dan tidak mapan.

Satu aspek yang dianggap penting oleh pengkaji ialah kajian ini diharap dapat memperkenal konsep bahasa antara yang terdapat dalam pertuturan bahasa Melayu kanak-kanak bangsa Bidayuh. Lebih-lebih lagi setakat ini belum ada penyelidikan yang dibuat oleh penyelidik tempatan tentang bahasa antara dalam pertuturan kanak-kanak bangsa Bidayuh.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of
the requirements for the degree of Master of Arts

**INTERLANGUAGE IN SPEAKING MALAY LANGUAGE AMONG THE
BIDAYUH CHILDREN IN BAU DISTRICT, SARAWAK**

By

SUSAN ANAK JUHIN

October 2002

Chairman : Professor Dr. Noor Aina Dani

Faculty: Modern Language and Communication Studies

Interlanguage in speaking Malay language among the Bidayuh children has not been studied. Therefore, in this study, the researcher has differentiated the level of language among the Bidayuh children based on their age factor. Beside that, the researcher also analise the interlanguage connection with the types of words based on age groups. The researcher also list out the type of fossilization that are found in the Malay language among the Bidayuh children. Apart from that, the researcher has also analised the relationship between the environment language use with the speech behaviour among the Bidayuh children.

The result of the research shows that mastering 10 types of words among the Bidayuh children age 7 years old from SK St. Theresa is at basilect level (Selinker, 1992), based on their min mark that they achieve at 44.5%. Whereas, for the 7 years old Bidayuh

children from SK St. Stephen, they manage to achieve the min mark of 52.2% and therefore they are at mesolect level. Nevertheless, the min mark which are achieve by children from both schools are 48.0% which is still at Basilect level. The Bidayuh children at age of 9 years old from SK St. Theresa are at basilect level with the total min marks of 49.7%. Whereas, for the SK Stephen children, they achieved the level of mesolect with the min marks of 55.65%. Therefore, the min marks obtain by the Bidayuh children at the age of 9 years old are 52% which is at mesolect level. For the Bidayuh children at the age of 12 years old from SK St. Theresa, they are at mesolect level with the total min mark of 64.27%. While the Bidayuh children at the age of 12 years old from SK St. Stephen is at mesolect level with min marks of 67.71%. As the result, the average marks achieve by the children from the two schools are 66% which is at mesolect level.

The language environment of the Bidayuh children include their age and the Bidayuh language as the mother tongue (Krashen, 1982), influence their speech. It has been discovered that the Bidayuh children at the age of 7 years old often use denial and simplification such as *don't know*, *have*, *yes*, *don't know*, and *like it*. The Bidayuh children at the age of 9 years old have already acquire the confidence when they speak in Malay language. Whereas the Bidayuh children at the age of 12 years old has no problem in speaking Malay language. In spite of that, the researcher had found out that the Bidayuh children who are 12 years old often used over-generalization. As a result, they tend to speak in ungrammatical and not fluent in speaking the language.

One of the important aspect that the researcher hopes to enlighten is to introduce the concept of interlanguage found in Malay language among the Bidayuh children. Moreover, at this moment, there has not been any research done by the local researcher regarding interlanguage spoken among the Bidayuh children.

PENGHARGAAN

Salam sejahtera...

Bersyukur kita kepada Tuhan kerana telah memberi limpah kurnia serta petunjuk-Nya sehingga saya dapat menyempurnakan tesis ini sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera (Bahasa Melayu) di Universiti Putra Malaysia.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan serta ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada jawatankuasa penyeliaan yang terdiri daripada Profesor Dr. Noor Aina Dani selaku pengurus, Dr. Ahmad Mahmood Musanif, dan Encik Mohd. Kasim Ismail. Atas iltizam mereka yang membimbang, mendorong, serta memberi cadangan yang positif telah banyak membantu saya dalam usaha menyiapkan tesis ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada semua informan yang terdiri daripada kanak-kanak umur 7, 9, dan 12 tahun, iaitu seramai 85 orang dari SK St. Theresa dan SK St. Stephen. Kanak-kanak inilah yang terlibat dalam membantu saya mendapatkan maklumat-maklumat penting untuk kajian ini. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan ini juga saya tujukan kepada guru besar SK St. Theresa dan guru besar SK St. Stephen, iaitu Encik Kutu Linau dan Encik Patrick Sitoi kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah tersebut.

Tidak lupa juga, setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada semua guru kelas , iaitu Puan Nursiti Salleh, Puan Riwin Jupa, Encik Nyolet Abun, Puan Josephine Norjing, Puan Jinda Jakub, dan Encik Jelly Sitey kerana sudi memberi kerjasama sepanjang saya menjalankan kajian ini

Seterusnya, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan kepada orang-orang perseorangan dan badan-badan berikut kerana turut membantu saya dalam menjalankan kajian ini.

1. Encik Wat Lanyau
2. Encik Michael Nyobey
3. Encik Gabriel Addriss
4. Encik Joseph Canddy Justin
5. Encik Peter Minos
6. Perpustakaan dan Arkib, Muzium Negeri Sarawak, Kuching.
7. Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Kuching
8. Perpustakaan Negeri Sarawak
9. Perpustakaan Dewan Bandaran Kuching Utara
10. Pejabat Pnerangan Daerah Bau
11. Jabatan Tanah dan Ukur, Kuching
12. DBNA (*Dayak Bidayuh National Association*)
13. Jabatan Perangkaan Malaysia, Cawangan Sarawak
14. Majlis Daerah Bau

15. Perpustakaan Daerah Bau

16. Pejabat Pendidikan daerah Bau

Akhir sekali, ucapan ini juga ditujukan khas kepada suami tercinta, Encik Joseph Sidemy, anak-anakku, Steffeni Sherril, Joe Luiz, dan Joe Abell, kedua-dua orang tuaku serta kakak dan adik-adikku, kedua-dua mentuaku serta kakak dan adik iparku yang telah memberikan pengorbanan, dorongan, kerjasama, dan bantuan dalam usaha menyempurnakan tesis ini. Semoga Tuhan memberi balasan dan ganjaran atas segala-galanya.

Sekian, terima kasih.

“Berilmu Berbakti”

SUSAN ANAK JUHIN

Nombor Matrik : GSO6503

Fakulti Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi,

Universiti Putra Malaysia

Serdang, Selangor.

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	xi
PENGESAHAN	
JADUAL KANDUNGAN	xiv
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI SINGKATAN	xxi

BAB

I PENDAHULUAN	1
Pengenalan tentang Bahasa Antara	1
Pernyataan Masalah	7
Kepentingam Kajian	13
Objektif Kajian	16
Batasan Kajian	17
Definisi Operasional	18
II SOROTAN KAJIAN YANG BERKAITAN	20
Kajian tentang Bahasa Antara	20
Kajian tentang Hubungan Persekutuan Bahasa dengan Pemerolehan Bahasa Kedua	24
Kajian tentang Analisis Kesilapan dalam Bahasa Kedua	26
Kajian tentang Gangguan Bahasa Pertama dalam Proses Penggunaan Bahasa Kedua	32
Catatan tentang Sepuluh (10) Jenis Kata	33
III METODOLOGI	35
Reka Bentuk Kajian	35
Kerangka Teori	35
Kerangka Konsepsi	42
Tempat Kajian	43
Populasi dan Persampelan	45
Subjek Kajian	45
Kaedah Kajian	47
Pembolehubah Kajian	48

Alat Kajian	49
Tatacara Kajian	51
Penganalisisan Data	53
IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	55
Persembahan Dapatan	55
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	104
Implikasi Dapatan kajian	109
V RUMUSAN DAN CADANGAN	113
Rumusan	113
Cadangan Membaiki Kelemahan	117
Cadangan Kajian Selanjutnya	118
BIBLIOGRAFI	120
LAMPIRAN	
A SURAT MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SK ST THERESA STENGGANG, BAU	148
B BORANG LATAR DIRI INFORMAN	149
C BORANG PANDUAN TEMU BUAL	150
D BORANG PENGUASAAN 10 JENIS KATA DALAM BAHASA MELAYU LISAN KANAK-KANAK BANGSA BIDAYUH	152
E KAWASAN KAJIAN	153
F SEMPADAN DAERAH	154
G GAMBAR SEKOLAH	155
H GAMBAR SEKOLAH	156
I GAMBAR INFORMAN	157
J GAMBAR INFORMAN	158
K GAMBAR INFORMAN	157
L GAMBAR INFORMAN	160

M	GAMBAR INFORMAN	161
N	GAMBAR INFORMAN	162
O	SENARAI PENGUASAAN 10 JENIS KATA KANAK-KANAK BANGSA BIDAYUH UMUR 7, 9, DAN 12 TAHUN	163
BIODATA PENGKAJI		206

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1 Tahap Tatabahasa Pelajar Bahasa Kedua.....	2
2 Gangguan bahasa pertama ke atas bahasa kedua Menurut Krashen (1981).....	28
3 Proses dalaman menurut Krashen (1982).....	38
4 Markat penguasaan 10 jenia kata dalam bahasa Melayu lisan kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 7 tahun (SK St. Theresa).....	73
5 Markat penguasaan 10 jenis kata dalam bahasa Melayu lisan Kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 7 tahun (SK St. Stephen).....	74
6 Perbandingan min markat 10 jenia kata kanak-kanak SK St. Stephen umur 7 tahun.....	76
7 Markat pengauasaan 10 jenis kata dalam bahasa Melayu lisan kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 9 tahun (SK St. Theresa).....	78
8 Markat penguasaan 10 jenis kata dalam bahasa Melayu lisan Kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 9 tahun (SK St. Stephen).....	80
9 Perbandingan min markat 10 jenis kata kanak-kanak SK St. Stephen yang berumur 9 tahun.....	82
10 Markat penguasaan 10 jenis kata dalam bahasa Melayu lisan kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 12 tahun (SK St. Theresa).....	84

11	Markat penguasaan 10 jenis kata dalam bahasa Melayu lisan kanak-kanak bangsa Bidayuh yang berumur 12 Tahun (SK St. Stephen).....	86
12	Perbandingan min markat 10 jenis kata kanak-kanak SK St. Theresa dan SK St. Stephen umur 12 tahun.....	88
13	Perbandingan min markat 10 jenis kata kanak-kanak SK St Theresa dan SK St. Stephen umur 7,9, dan 12 tahun.....	90
14	Proses dalaman Menurut Krashen (1982).....	108

SENARAI SINGKATAN

SK	-	Sekolah Kebangsaan
MDB	-	Majlis Perbandaran Daerah Bau
DBNA	-	Dayak Bidayuh National Association
DBKU	-	Dewan Bandaran Kuching Utara
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
St.	-	<i>Saint</i>
hlm.	-	halaman
vol.	-	<i>volume</i>
T.V	-	televisyen
Dr.	-	doktor
Mohd.	-	Mohammad
%	-	peratusan
=	-	sama dengan
ə	-	e pepet
?	-	glotalisasi

BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Pengenalan tentang Bahasa Antara


Bahasa antara ialah satu sistem bahasa yang terdapat dalam minda pelajar bahasa kedua yang belum menguasai bahasa kedua. Bahasa antara mempunyai dua makna. Makna yang pertama ialah tatabahasa pelajar di satu tahap dalam satu masa (lihat Rajah 1). Berdasarkan Rajah 1, terdapat tiga tahap tatabahasa pelajar yang mengandungi bahasa antara sewaktu pelajar mempelajari bahasa kedua. Jika pelajar mendapat markah di antara 5% hingga 49%, maka tahap tatabahasa pelajar ialah basilek. Jika pelajar mendapat markah di antara 50% hingga 89%, tahap tatabahasa pelajar ialah mesolek. Pelajar yang mendapat markah di antara 90% hingga 99% dianggap berada di tahap akrolek. Seseorang pelajar kedua dianggap menguasai bahasa kedua sama seperti penutur jati bahasa tersebut jika mendapat markah seratus peratus.

Di tahap basilek pelajar belum menghayati sistem bahasa kedua. Kesalahan bahasa dilakukan secara rambang. Kadangkala pelajar menghasilkan struktur bahasa yang betul tetapi pelajar tidak dapat menerangkan sebab

musabab menggunakan sesuatu struktur bahasa atau bagaimana membetulkan kesalahan bahasanya.

Di tahap mesolek kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar adalah tetap. Pelajar telah mempelajari sistem peraturan bahasa kedua tetapi belum menguasai bahasa tersebut. Apabila disuruh membetulkan kesalahan bahasa, pelajar tidak dapat melakukan pembetulan tetapi sedikit sebanyak dapat menerangkan mengapa pelajar menggunakan peraturan tersebut.

Di tahap akrolek, pelajar telah dapat menghasilkan bentuk-bentuk bahasa yang betul tetapi masih tidak mapan. Pelajar telah menghayati peraturan-peraturan tatabahasa bahasa kedua tetapi kadangkala membuat kesalahan kerana kurang prihatin atau terlupa. Apabila disuruh membetulkan kesalahan bahasanya, pelajar sedikit sebanyak dapat membuat pembetulan dan dapat menerangkan peraturan tatabahasa yang digunakan.



Sumber: Selinker (1992)

Rajah 1 : Tahap Tatabahasa Pelajar Bahasa Kedua

Makna istilah bahasa antara yang kedua ialah barisan sistem tatabahasa yang kunci-mengunci antara satu dengan lain sebagai tanda perkembangan bahasa pelajar yang telah melewati batas waktu. Contoh terbaik ialah fosilisasi. Fosilisasi merupakan satu keadaan yang wujud apabila pelajar masih tetap tidak dapat meningkat ke tahap tatabahasa yang lebih tinggi, meskipun terdapat pendedahan bahasa yang cukup, data yang baru atau pengajaran yang baru. Terdapat tiga jenis fosilisasi yang sering dilakukan oleh pelajar bahasa kedua, iaitu nafian, pemudahan, dan penyeluruhan. Berikut diperturunkan contoh fosilisasi mengikut jenisnya.

Nafian

Nafian melibatkan ayat yang dipermudah dengan penggunaan kata nafi.

Contoh:

1. Dulu Cikgu Kellor, sekarang tidak lagi.
 (Dahulu Cikgu Kellor yang mengajar permainan bola tampar tetapi sekarang telah diganti oleh guru lain)
2. Tidak suka muzik.
 (Saya tidak suka mata pelajaran muzik)
3. Tidak suka ikan.
 (Saya tidak suka makan ikan)
4. Jaga kawan, tidak bising.
 (Sebagai ketua kelas, tugas saya ialah menjaga kawan-kawan supaya tidak bising)
5. Tidak kerja.
 (Ibu saya tidak bekerja)

Pemudahan

Pemudahan merupakan perihal memudah atau menyenangkan sesuatu tugas berbahasa. Unsur-unsur bahasa kedua (B2) dikurangkan, yang berkesudahan dengan penggunaan struktur linguistik yang lebih mudah daripada apa yang sepatutnya dianggap sebagai norma bahasa kedua (B2).

Contoh:

1. Suka makan ikan.
 (Saya suka makan ikan)